

99 Speed Mart sumbang 150 beg cenderahati sempena sambutan Vaisakhi

April 15, 2026 @ 3:49pm



Pengurus Kanan Pentadbiran Cawangan 99 Speed Mart, Mohd Mahrus Mohd Faizail (baju T oren) menyampaikan beg cenderahati kepada kanak-kanak pada Sambutan Vaisakhi.

PETALING JAYA: Rangkaian pasar mini 99 Speed Mart menyumbangkan sebanyak 150 beg cenderahati bagi menyokong Sambutan Vaisakhi 2026 yang dianjurkan komuniti Sikh di Gurdwara Sahib Petaling Jaya, baru-baru ini.

Sambutan Vaisakhi merupakan perayaan penting dalam kalendar masyarakat Sikh yang diraikan setiap tahun di seluruh dunia.

Sumbangan tersebut diagihkan khusus kepada kanak-kanak dan belia yang menyertai pelbagai aktiviti sepanjang sambutan, sebagai usaha memeriahkan acara serta menggalakkan penglibatan generasi muda dalam program komuniti dan kebudayaan.

Majlis penyerahan sumbangan disampaikan oleh Pengurus Kanan Pentadbiran Cawangan Speed Mart, Mohd Mahrus Mohd Faizail.

Mohd Mahrus berkata, melalui inisiatif ini, 99 Speed Mart berharap sumbangan itu dapat membawa lebih keceriaan kepada para penerima, khususnya golongan muda, di samping memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

"99 Speed Mart akan terus komited dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyokong program-program yang memberi impak positif kepada komuniti setempat," katanya.